



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	30/1/2012

NGO beri kata dua kepada Najib

KUALA LUMPUR: Kumpulan Himpunan Hijau memberi kata dua kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak untuk menga-rahkan Lynas Corporations meng-hentikan segera projek Loji Nadir Rumi di Gebeng, Kuantan.

Kumpulan itu yang sedang mempromosikan pengajuran Himpunan Hijau 2.0 memberi amaran, jika Perdana Menteri enggan berbuat demikian, kesannya adalah semasa pilihan raya umum ke-13 akan datang, kata Setiausaha-nya, Bang Seet Ping.

Beliau berkata demikian sema-sa mengadakan sidang media ber-sama pimpinan "Pakatan Rakyat dan NGO di Pejabat Agung PAS, Ja-lan Raja Laut pada 27 Januari lalu.

Menurut Seet Ping, pengundi di Gebeng dan Kuantan tidak teragak-agak untuk tidak mem-berikan undi kepada kerajaan memerintah jika masih membiar-kan rakyat dizalimi dengan projek yang membawa kesan negatif ini.

Seet Ping mahu, Najib dan kabinetnya segera membuat kepu-tusan sebelum PRU-13 bagi meng-hentikan pembinaan loji itu yang bakal memangsakan lebih 700,000 penghundi sekitar.

Beliau juga berkata, pihaknya komited dalam keadilan alam seki-tar dan kemanusiaan serta akan

berusaha menyelamatkan rakyat Kuantan daripada berhadapan dengan risiko pembinaan LAMP.

Bantahan ke atas projek Lynas adalah kerana mengambil berat masa depan generasi muda dan kesihatan rakyat secara keeluru-hannya, katanya.

"Kita tidak akan membenarkan kedatangan sebuah syarikat asing yang membahayakan nyawa anak cucu kita. Tanpa persetujuan raky-at, kilang-kilang sedemikian tidak akan dibenarkan untuk beropera-si," katanya lagi.

Sehubungan itu, Seet Ping ber-kata, Kumpulan Himpunan Hijau 2.0 mengajak semua pihak tanpa mengira kaum, agama dan parti politik menyertai himpunan terse-but yang berlangsung dalam ke-adaan santai.

Beliau juga memaklumkan, himpunan tersebut mungkin dia-dakan dihadapan Majlis Perban-daran Kuantan berdekatan dengan Masjid Kuantan.

Namun, pihaknya bersedia mengalih lokasi jika pihak berkua-sa merasakan kawasan tersebut kurang sesuai, katanya.

Beliau memberi jaminan, per-mohonan permit akan dibuat bagi tujuan himpunan itu dan men-egaskan bahawa himpunan itu diadakan tanpa perarakan.